

**KEPERLUAN PEMBANGUNAN MODEL AL-QURAN PINTAR DALAM PDPC HIFZ
AL-QURAN BERASASKAN PENDEKATAN VARK: SATU SOROTAN**

Mohamad Khairi Haji Othman¹, Nur Farah Hanim Muhamad Idris², Mat Rahimi Yusof³, Mohd Aliff Moh Naw⁴, Farah Mohamad Zain⁵, Mohammd Azam Hussain⁶, Azmil Hashim⁷

^{1, 2, 3, 4, 5}Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
m_khairi@uum.edu.my

⁶Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

⁷Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

DOI: 10.51200/kitab.v2i1.6696

ABSTRAK

Pendidikan al-Quran di Malaysia telah bermula sejak abad ke-15. Masyarakat Melayu mendalami Islam melalui pembacaan dan pengajian ilmu al-Quran. Pengajian al-Quran berevolusi menatijahkan pembangunan institusi pondok yang menumpukan kepada pendidikan intipati al-Quran. Lanjutan daripada itu, institusi tahfiz ditubuhkan dengan mengfokuskan kepada hafazan ayat-ayat suci al-Quran. Pelbagai kajian telah dibuat berkaitan institusi tahfiz bermula daripada pengurusan tahfiz, sumber ekonomi tahfiz, tenaga pengajar sehinggalah kurikulum tahfiz itu sendiri. Manakala, artikel ini akan membincangkan tentang keperluan untuk membangunkan model al-Quran pintar dalam PdPc hifz al-Quran. Implikasi artikel ini akan membantu pihak tahfiz menjayakan penerapan teknologi dalam pembelajaran al-Quran berasaskan penerapan gaya pembelajaran VARK.

Kata kunci: Penghafalan Al-Quran, Pembangunan model al-Quran Pintar.

ABSTRACT

Al-Quran education in Malaysia has started since the 15th century. The Malay community learns about Islam through reading and studying the Quran. The study of the Qur'an has evolved, leading to the development of pondok institutions that focus on the education of the essence of the Qur'an. In addition, the tahfiz institution was established by focusing on memorizing the holy verses of the Quran. Various studies have been made related to tahfiz institutions, starting with tahfiz management, the economic resources of tahfiz, tahfiz teachers and the tahfiz curriculum itself. Meanwhile, this article will discuss the need to develop a smart al-Quran model in PdPc hifz al-Quran. The implications of this article will help the tahfiz succeed in the application of technology in learning the Quran based on the VARK Learning Style.

Keywords: Al-Quran memorization, Model development of Smart al-Quran.

PENGENALAN

Dari masa ke masa, pendidikan tahfiz di Malaysia telah berkembang selari dengan perkembangan globalisasi dengan pembangunan institusi-institusi tahfiz yang baharu tidak kira di bawah pentadbiran kerajaan mahupun swasta. Saban hari, permintaan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz semakin meningkat. Pada hari ini, dapat dilihat trend di mana ibu bapa cenderung memilih aliran tahfiz akademik untuk anak-anak mereka pada peringkat menengah. Fenomena ini dibuktikan melalui jumlah enrolmen ke institusi-institusi tahfiz kerajaan mahupun swasta yang amat memberangsangkan (Muhaidi & Siti Salwa, 2018; Fathiyah et al., 2020).

Perkembangan yang pesat ini menunjukkan terdapat usaha-usaha murni dalam penambahbaikan sistem program penyelidikan tahfiz di Malaysia (Solahuddin, 2016). Sesuai dengan usaha tersebut, pihak kerajaan telah memperkenalkan sebuah dasar khas bagi institusi-institusi tahfiz iaitu Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) bertujuan menyokong kemajuan dari segi kebajikan dan pendidikan setiap institusi pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. Dasar ini digubal bagi memastikan institusi tahfiz mampu menyumbang kepada pembangunan negara dengan menjamin kemandirian mereka pada masa yang akan datang.

Di samping itu, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara adalah sebuah garis panduan yang perlu dirujuk bagi menyelaraskan pengurusan pendidikan tahfiz seluruh negara. DPTN juga selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan undang-undang sedia ada di tiap-taip negeri (JAKIM, 2021). Menerusi gagasan DPTN, kerajaan mensasarkan 125,000 orang penghafaz al-Quran dapat dilahirkan menjelang tahun 2050.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara merupakan dokumen yang penting dan asas jangka panjang dalam memperkasa kualiti pendidikan tahfiz dan selaras dengan kurikulum pendidikan arus perdana. Dalam usaha merealisasikan hasrat murni kerajaan, pihak sekolah terutamanya pihak pengurusan dan guru tahfiz perlu menghadapi pelbagai rintangan dan menggalas tanggungjawab yang besar. Semuanya harus didepani dengan tuntas agar proses penambahbaikan sistem pendidikan tahfiz dapat lakukan dengan jaya dan mencapai matlamat yang dingini (Fathiyah et al., 2019).

Dalam pada itu, para guru tahfiz bertanggungjawab menambahbaik proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Hifz al-Quran di sekolah supaya PdPc yang dijalankan dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan menghafaz al-Quran. Penambahbaikan yang berterusan diperlukan bagi memastikan PdPc kekal relevan dengan perubahan semasa dan sesuai dengan kurikulum kebangsaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan berbagai langkah bagi meningkatkan kemahiran pedagogi para guru tahfiz dalam bidang ilmu mereka seperti memperkenalkan pengajaran abad ke-21 (PAK21). Langkah ini merupakan proses melahirkan guru yang berakhlak mulia yang mampu menghasilkan pelajar yang kreatif, kritis dan inovatif (KPM, 2014) seterusnya mampu menghadapi kemelut yang muncul pada era ledakan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) yang makin mencabar ini.

PDPC HIFZ AL-QURAN

Pada asalnya pendidikan tahfiz muncul bersama pengajian al-Quran di masjid-masjid dan rumah-rumah guru agama dalam bentuk *halaqah* iaitu kumpulan murid. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, pendidikan hafazan yang pertama telah diperkenalkan secara rasmi oleh Dato' Mufti Kelantan, Tuan Guru Haji Muhammad Nor bin Ibrahim selepas beliau pulang dari Mekah pada tahun 1937. Pada tahun 1966, Institusi Darul

Quran mula ditubuhkan atas saranan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tuanku Abdul Rahman Putra Al Haj. Rentetan dari itu, institusi tahfiz negara telah ditubuhkan dan dipelopori oleh negeri Kelantan pada tahun 1967 manakala negeri Terengganu mengikuti langkah yang sama lima tahun selepas itu (Nordin et al., 2018). Institusi tahfiz swasta pertama ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1981 ialah Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qirat di Jeram Selangor (Solahuddin, 2016).

Rentetan daripada itu, pendidikan tahfiz terus diperkasakan lagi di peringkat sekolah menengah dalam kurikulum pendidikan kebangsaan. Sewaktu YAB Dato' Seri Idris Jusoh menjadi Menteri Besar Terengganu pada tahun 1999, beliau telah memperkenalkan program Ulul Albab di Terengganu dengan penubuhan Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu. Program ini dibangunkan dengan menggabungkan elemen Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (Arniyuzie, 2015).

Daya ingatan yang kuat amat diperlukan dalam pembelajaran Hifz al-Quran. Kaedah hafazan yang digunakan haruslah bertepatan dengan gaya pembelajaran pelajar. Kajian Azmil dan Misnan (2014) membuktikan gaya pembelajaran dan kaedah hafazan perlu diberi perhatian yang serius kerana kajian menunjukkan bahawa kedua-dua faktor ini menyumbang pengaruh yang besar terhadap pencapaian pelajar. Kaedah yang digunakan oleh pelajar adalah berdasarkan kemampuan diri akan menentukan kadar hafazan pelajar tersebut.

Di samping itu, guru tahfiz perlu memberi perhatian terhadap amalan yang terbaik untuk digunakan dalam PdPc Hifz al-Quran dengan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Proses ini penting kerana akan merangsang para pelajar untuk berfikir kritis dalam memahami isi pembelajaran mereka. Guru tahfiz perlu mempelbagaikan kaedah PdPc seperti mengintegrasikan pembelajaran berasaskan teknologi (TBL) selain pendekatan konvensional seperti *talaqqi*, *musyafahah*, *takrar* dan *murajaah*. Fenomena ini dilihat sebagai satu kekurangan dalam kaedah PdPc tahfiz al-Quran, sekiranya pengintegrasian teknologi tidak dilaksanakan kerana penerapan teknologi memainkan peranan yang besar dalam proses pendidikan pada masa kini (Muhd Zulhilmi et al., 2020).

Hal ini disokong oleh kajian Murihah et al. (2015) yang menegaskan bahawa di antara punca prestasi pencapaian hafazan murid tahfiz yang rendah ialah guru masih mengekalkan pendekatan konvensional walaupun pembelajaran PAK21 yang berasaskan elemen teknologi telah diperkenalkan. Hal ini menyebabkan bahan sokongan untuk pendidikan tahfiz masih kurang berkembang walaupun perkembangan teknologi yang pesat dirasai oleh dunia pendidikan secara amnya.

Pembelajaran Berasaskan Teknologi atau *Technology Based Learning* (TBL) ialah satu pendekatan pembelajaran Hifz al-Quran melalui teknologi elektronik termasuk internet, siaran satelit, persidangan audio dan video, papan buletin, bilik sembang, siaran web dan CD-ROM. Bahan sokongan pembelajaran tahfiz berteknologi biasanya hanya tertumpu kepada penggunaan instrumen seperti video dan MP3 untuk membantu murid menghafal Al-Quran (Mohamad Marzuqi et al., 2016).

Justeru itu, hasil kajian literatur sistematik (SLR) oleh Xiao & Watson (2017) mengenai teknologi berkaitan pembelajaran Tahfiz al-Quran mendapati unsur teknologi hanya dibincangkan dalam 10 artikel. Angka ini ialah 10.87% daripada jumlah 92 artikel berkaitan tahfiz dan Tahfiz Model Ulul Albab. Selain itu, terdapat 41 artikel yang mengkaji tentang kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPC) tahfiz iaitu 44.57% daripada keseluruhan kajian.

Jumlah peraturan yang kecil ini menunjukkan bahawa strategi dan kaedah yang digunakan dalam proses PdPC Hifz al-Quran sama ada di Darul Quran, sekolah TMUA, tahfiz swasta atau institusi tahfiz milik kerajaan negeri lebih ke arah pendekatan pembelajaran secara konvensional dan amat kurang pembelajaran hafazan berteraskan teknologi. Kajian ini adalah bertepatan dengan kajian Mohamad Marzuqi et al. (2016) yang menjelaskan bahawa pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran tahfiz masih ditahap minimum walaupun guru menyedari manfaatnya dan mempunyai kemahiran asas untuk melaksanakan Pengajaran Berasaskan Teknologi (TBL).

Selain itu, kajian Muhd Zulhildi et al. (2020) membincangkan penggunaan bahan sokongan pembelajaran Hifz al-Quran berasaskan teknologi di sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kesedaran guru terhadap penggunaan bahan sokongan berteknologi untuk mata pelajaran Hifz al-Quran adalah tinggi.

Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran al-Quran dan pembelajaran agama menerima maklum balas positif daripada golongan generasi muda (Norhalina et al., 2017; Faizal, 2020). Tambahan pula, dapatan sebelum kajian juga menunjukkan tentang masalah dalam membaca al-Quran di kalangan murid bidang agama masih lemah. Oleh itu, kajian tentang pembangunan bahan sokongan untuk pembelajaran tahfiz amat sesuai dijalankan supaya pendidikan tahfiz dapat bersaing dalam pendidikan yang lain.

Sungguhpun begitu, terdapat kajian teknik pembelajaran hafazan berasaskan mobile oleh Herdiansyah & Afrianto (2013) dan kajian PdPc hafazan oleh Abdul Qadir & Muhammad (2020), Siti Mastura et al. (2021) dan (Nor Musliza et al. (2021) yang telah dijalankan, namun kajian tersebut tidak menggunakan pendekatan pembelajaran hafazan dengan pancaindera yang dominan seperti Visual, Auditori, Reading dan Kinestetik (VARK).

TEORI PEMBELAJARAN HAFAZAN

Al-Quran Pintar yang akan dibangunkan mengintegrasikan teori pembelajaran hafazan oleh al-Qabisi dalam penulisan Al-Na'miy Abdullah Al-Amin (1994) dan Model Pembelajaran VARK. Menurut Faridah et al. (2022) gaya pembelajaran merujuk kepada cara yang digunakan oleh pelajar untuk menyerap dan menyusun maklumat yang diperolehi. Gaya pembelajaran dikatakan sesuai dengan personaliti individu dan ianya boleh dipengaruhi oleh faktor persekitaran individu tersebut.

1. Teori Pengajaran & Pembelajaran Tahfiz Model al-Qabisi

Abu Hasan bin Muhammad bin Khalaf atau lebih dikenali sebagai al-Qabisi merupakan seorang tokoh ilmunan klasikal Islam telah memperkenalkan sebuah teori pendidikan berbentuk standard yang merangkumi manhaj, kurikulum, kaedah pengajaran, amalan penilaian serta hal-hal lain yang berkaitan bidang pendidikan. Model al-Qabisi (1955) telah diguna pakai secara meluas dalam kurikulum pendidikan Islam termasuklah pendidikan tahfiz dengan menggariskan agama yakni *makrifatuddin* dan akhlak sebagai matlamat dalam pendidikan (Muhamad Amirul & Muhammad Zulazizi, 2020). Objektif hafazan al-Quran yang digariskan oleh al-Qabisi ialah *hifz* (penghafazan), *wa'i* (penghayatan) dan *istirja'* (pengulangan bacaan).

Menerusi objektif-objektif tersebut, pelajar disasarkan untuk fasih dan lancar menghafaz al-Quran dengan menghayati kandungannya serta mampu mengingat ayat-

ayat yang dihafaz melalui proses murajaah. Sepanjang proses pengajaran, pancaindera pelajar dirangsang melalui mendengar, melihat, membaca dan menulis. Keempat-empat pancaindera ini dirangsang selari dengan empat kaedah di dalam pembelajaran iaitu *talqin*, *tikrar*, *al-mail* dan *al-fahm*. Para pelajar dapat menghafaz dengan lebih baik dan berkesan apabila pancaindera mereka dirangsang disamping mengaplikasikan kaedah-kaedah tersebut. Hafazan pelajar akan menjadi kukuh dalam ingatan apabila pengulangan dilakukan melalui kaedah *talqin* dan *takrir*. Kefahaman pelajar mengenai ayat yang dihafal pula dibantu melalui kaedah *al-fahm*. Kaedah yang terakhir iaitu *al-mail* ialah rasa cinta yang timbul dalam diri pelajar terhadap al-Quran apabila pelajar sering berdamping dan bersahabat dengannya (Mohamad Rasyidi & Aswati, 2022)

Di samping itu, teknik pentaksiran pembelajaran dan pemudahcaraan tahfiz perlu berlaku pada setiap hari, mingguan dan akhir. Aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menggunakan kaedah dan teknik yang sempurna akan menghasilkan hasil pembelajaran tahfiz yang baik dan berkesan selaras dengan matlamat dan objektif pembelajaran tahfiz. Oleh itu, pembangunan bahan sokongan untuk pembelajaran tahfiz amat tepat pada masanya. Bahan sokongan tersebut mesti diterapkan dalam kaedah pembelajaran tahfiz sepertimana yang telah disarankan oleh al-Qabisi iaitu pembelajaran tahfiz berasaskan pancaindera. Oleh itu, kaedah hafazan yang akan dibangunkan juga dilengkapi dengan fitur yang mempunyai kaedah penilaian dan pentaksiran seperti mana yang disarankan oleh al-Qabisi iaitu penilaian harian, penilaian mingguan dan penilaian akhir.

2. Pembelajaran Al-Quran Berasaskan VARK

Pendekatan VARK telah diperkenalkan oleh Dr. Neil Fleming yang merupakan seorang pendidik di peringkat pengajian tinggi. VARK merujuk kepada 4 dimensi gaya pembelajaran yang mewakili setiap kecenderungan seseorang dalam proses pembelajaran iaitu Visual (V) , Auditori (A), Membaca/*Reading* (R) dan Kinestetik (K) (Fleming, 1995). Penggunaan model pembelajaran ini bersifat menyeluruh kerana dapat digunakan dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah di dalam bilik darjah, makmal dan juga dalam persekitaran klinikal. Tambahan pula, instrumen ini tidak bersifat kompleks menjadikannya mudah untuk digunakan oleh pelajar. Pelajar juga dapat mengetahui dan memahami kecenderungan gaya pembelajaran mereka dengan berkesan seterusnya memperoleh motivasi untuk giat belajar bagi meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

Jenis Gaya Pembelajaran Pelajar Menurut Pendekatan VARK

Pendekatan VARK mengelaskan pelajar mengikut modaliti deria yang mereka gunakan untuk menerima maklumat yang disampaikan kepada mereka (Fleming & Mills, 1992). Bagi para pelajar yang tidak mengetahui apakah jenis modaliti deria dominan mereka, mereka boleh menjawab soal selidik VARK yang boleh didapati secara percuma dalam talian (VARK, 2023). Soal selidik tersebut terdiri daripada 16 soalan dan hasilnya di akhir nanti akan mewakili jenis modaliti pelajar yang menjawab soalan tersebut berdasarkan empat dimensi dalam model VARK. Klasifikasi pelajar bagi setiap dimensi adalah seperti berikut:

Visual (V)

Bagi pelajar yang mempunyai kecenderungan visual, mereka lebih mudah menerima maklumat jika disampaikan dalam bentuk melihat gambar, carta alir, lukisan, peta atau gambar rajah (Murphy et al., 2004). Pelajar visual sering dianggap sebagai pemikir yang lantang dan mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mengingat. Selain itu, Piping (2015) memandangkan pelajar yang mempunyai kecerdasan visual sebagai imaginatif dan kreatif.

Dalam konteks pembelajaran tahfiz, para pelajar yang memiliki gaya hafazan visual akan kekal menggunakan satu mushaf al-Quran. Mereka akan membahagikan setiap muka surat kepada dua bahagian atau tiga bahagian untuk lebih senang menghafaz. Selain itu para pelajar akan menanda 'kepala ayat' dan 'ekor ayat' dengan pen *highlighter*. Terdapat pelajar yang hanya menggunakan satu warna pen sahaja dan ada juga yang memilih menggunakan dua warna. Setiap warna mewakili 'kepala ayat' dan 'ekor ayat'. Sebagai contoh, mereka menanda 'kepala ayat' dengan warna kuning dan 'hujung ayat' dengan warna merah atau sebaliknya.

Pelajar visual juga lebih cenderung menggunakan minda untuk menggambarkan susunan dan kedudukan ayat seperti yang tertulis di dalam mushaf. Selain itu, pelajar akan menghafaz baris demi baris ayat mengikut turutan dan mengfokuskan mata dan minda pada ayat yang dihafaz dan menggerakkan mata perlahan-lahan dari satu perkataan ke perkataan yang lain. Aktiviti ini seumpama sedang merakam gambar dengan menggunakan kamera video.

Dapat disimpulkan bahawa, pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran visual akan menghafaz dengan cara membayangkan tulisan dalam mushaf al-Quran. Oleh yang demikian, penting bagi setiap aplikasi yang akan dibangunkan untuk mempunyai paparan visual yang menarik serta menggunakan mushaf Rasm Uthmani supaya murid dapat membayangkan posisi ayat yang hendak dihafaz sama seperti posisi di dalam mushaf mereka.

Auditori (A)

Jika pelajar mempunyai kecenderungan auditori, pelajar lebih mudah menangkap maklumat ketika disampaikan dalam bentuk bunyi kerana mereka lebih cepat menyerap maklumat melalui pendengaran (Kayalar & Kayalar, 2017). Para pelajar auditori mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mengingat maklumat apabila maklumat tersebut diulang-ulang. Kebiasaannya, mereka akan mengangkat kepala dan menggunakan tindakan mata mereka apabila mengingat.

Dalam konteks hafazan al-Quran, pelajar auditori akan lebih cenderung mendengar audio MP3 al-Quran bacaan qari yang digemari berulang kali. Mereka mengfokuskan ingatan dan pendengaran kepada nada dan lenggok suaranya. Selain itu, pelajar auditori lebih gemar menghafaz al-Quran secara bertalaqqi musyafahah bersama rakan dan mendengar tasmik daripada mereka sebagaimana Jibril AS mengajarkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW.

Pelajar auditori juga akan menghafaz secara berkumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang. Setiap ahli kumpulan akan memperdengarkan bacaan satu ayat al-Quran kemudian ahli yang lain akan menuruti bacaannya. Disamping itu, pelajar auditori juga akan mevariasikan nada suara bacaannya dari segi tinggi dan rendah sewaktu menghafaz serta membaca secara berlagu. Pelajar juga akan menyebutkan

perkataan demi perkataan dengan suara yang jelas sehingga mampu didengari di telinganya kemudian barulah murid tersebut akan menghafaz ayat demi ayat.

Bagi betul-betul yakin dengan hafalan mereka yang baharu, pelajar auditori akan mengulangi hafazab mereka sambil merakam suara sendiri dengan alat perakam kemudian mendengar semula rakaman tersebut. Dengan cara ini, pelajar dapat mengesan kesalahan bacaan mahupun susunan dalam hafazan mereka dan memberi perhatian kepada bahagian-bahagian tertentu untuk ditambahbaik. Justeru, berdasarkan corak gaya pembelajaran tersebut, dapat dilihat bahawa fitur rakaman dan pengulangan amat penting dalam pembangunan alat sokongan bagi PdPc Hifz al-Quran.

Reading (R)

Untuk pelajar dengan kecenderungan R iaitu *Reading*, pelajar lebih cepat menyerap maklumat jika maklumat datang dalam bentuk bertulis melalui teks atau jadual. Pelajar *reading* memahami sesuatu perkara melalui bacaan yang dilakukan. Pembacaan yang dilakukan perlulah disertakan dengan kefahaman daripada pelajar sendiri sama ada dengan mengkaitkannya dengan maklumat sedia ada atau memahami perkara tersebut dengan perspektif sendiri.

Pelajar *reading* biasanya menggunakan buku teks dan edaran sebagai alat kegemaran untuk mengumpul data dan berkongsi maklumat (Naseer et al., 2020). Kaedah ini amat terkenal dalam kaedah pembelajaran konvensional di peringkat sekolah dan universiti. Guru dan pelajar menggunakan buku teks dan buku latihan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah.

Dalam konteks pembelajaran tahfiz, pelajar lebih gemar untuk membaca dan memahami terjemahan, tafsiran dan fiqh ayat terlebih dahulu sebelum menghafaz sesuatu ayat. Pelajar juga perlu mengetahui maksud per kata ayat sebelum menghafaznya. Oleh yang demikian, fitur khas perlu dititik beratkan dalam pembangunan alat sokongan pembelajaran bagi membantu pelajar *reading* menghafaz dengan cemerlang.

Kinestetik (K)

Jika pelajar mempunyai kecenderungan kinestetik, pelajar lebih cepat belajar menerusi pergerakan dan perlakuan iaitu *learning by doing* seperti latihan dan pengalaman yang dilaluinya. Pelajar dicadangkan untuk bergaul dengan kenalan dan berinteraksi dengan persekitaran untuk menambah pengetahuan baharu (Armstrong, 2004).

Dalam konteks pembelajaran tahfiz, pelajar kinestetik akan melakukan pergerakan seperti menggerakkan anggota badan ke depan dan belakang atau berjalan ketika menghafaz al-Quran. Pelajar juga menunjuk dengan jari pada ayat ketika menghafaznya. Ada juga di antara mereka yang membuka dan menutup al-Quran secara berselang-seli disamping menulis semula ayat-ayat al-Quran (*tahriri*) bagi mengekalkan hafazan mereka. Oleh itu, ini menunjukkan keperluan memasukkan fitur yang akan menyokong pembelajaran pelajar kinestetik.

Berdasarkan keempat-empat dimensi VARK tersebut, proses mereka dan membangunkan Al-Quran Pintar sebagai alat bantu untuk pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Hifz al-Quran perlulah bercirikan gaya pembelajaran yang pelbagai dan bersesuaian dengan ciri-ciri istimewa tersebut.

KESIMPULAN

Usaha pembangunan Model al-Quran Pintar berasaskan pendekatan VARK bagi membantu PdPc Hifz al-Quran wajar diberi peluang dan ruang untuk dilaksanakan kerana pada asasnya pendekatan ini tidak asing lagi dengan dunia pendidikan tahfiz. Senario ini dapat dilihat dalam kajian Nor Musliza et al. (2018) yang menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai teknik tersendiri untuk menghafaz al-Quran mengikut kelesaan masing-masing. Hasil penelitian menunjukkan semua teknik yang digunakan oleh para pelajar merupakan elemen-elemen dalam gaya pembelajaran VARK.

Tambahan pula, kajian Azmil dan Misnan (2014) membuktikan gaya pembelajaran dan teknik hafazan perlu diberi perhatian yang serius. Hal ini kerana, kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran dan teknik hafazan memberi pengaruh yang besar terhadap pencapaian pelajar. Teknik yang digunakan oleh pelajar adalah berdasarkan kemampuan diri akan menentukan kadar hafazan pelajar tersebut. Selain itu, keperluan untuk membangunkan model al-Quran Pintar turut disokong padu Muhammad Syafee Salihin et al. (2022) dengan mengatakan bahawa penggunaan alat bantu menghafaz dapat membantu pelajar menghadapi masalah ketika menghafaz al-Quran disamping menyokong pelajar ketika fasa pengukuhan hafazan sedia ada. Alat bantu menghafaz sangat membantu menjimatkan masa untuk melakukan murajaah berkala.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2023/SSI07/UUM/02/3).

RUJUKAN

- Abdul Qadir, B., & Muhammad, F. (2020). Memorization of Quran through Mobile Application in the Era of Transformative Marketing. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 40(2), 689-698.
- Al-Na'miy, A.-A. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi. Terjemahan: Mohd Ramzi Omar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qabisi. (1955). *Ar-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Mua'alimin wa Akham al-Mu'allimin wa al-Muta'allimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Armstrong, A.-M. (2004). *Instructional Design in the Real World*. United States: Information Science Publishing.
- Arniyuzie, M. (2015). Ulasan Sistematis: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(4), 22-35.
- Azmil, H., & Misnan, J. (2014). Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Al-Quran Para Pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15-25.
- Faizal, M. (2020). Needs and Preferences of Quranic Arabic Vocabulary Learners Regarding Learning Through Quranic Arabic Mobile Applications. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(5), 152-162.

- Faridah, M., Mohd Razimi, H., & Nurulhuda, M. (2022). Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori dan Kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29-36.
- Fathiyah, M., Ahmad Fauzi, M., Norlizah, C., Wan Marzuki, W., & Lukman, A. (2019). Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2590-3799.
- Fathiyah, M., Sharini, C., Asmawati, S., Ahmad Fauzi, M., Norlizah, C., Lukman, A., & Wan Marzuki, W. (2020). Proses Dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz Dalam Kalangan Murid Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.
- Fleming, N. D. (1995). I'm different; not dumb. Modes of presentation (VARK) in the tertiary. *The 1995 Annual Conference of the Higher Education and Research Development Society of Australasia (HERDSA)*, (hlm. 308-313). Zelmer.
- Fleming, N. D., & Mills, C. (1992). Not Another Inventory, Rather a Catalyst for Reflection To Improve the Academy. *Section II: Strategies for Enhancing Teaching and Learning*, 11(1), 137-155.
- Herdiansyah, M., & Afrianto, I. (2013). Pembangunan Aplikasi Bantu Dalam Menghafal Al-Qur'an Berbasis Mobile. *Jurnal Ilmiah Komputer dan Informatika (KOMPUTA)*, 2(2), 1-8.
- JAKIM. (2021). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara*. Didapatkan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kayalar, F., & Kayalar, F. (2017). The effects of Auditory Learning Strategy on Learning Skills of Language Learners (Students' Views). *IOSR Journal Of Humanities And Social Science*, 22(10), 4-10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Elemen KBAT Dalam Pedagogi*. Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohamad Marzuqi, A., Ahmad, Y., Abd Hadi, B., & Muhammad Akramin, K. (2016). Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. *Journal of Islamic Educational Research*, 1, 11-20.
- Mohamad Rasyidi, G., & Aswati, H. (2022). Tinjauan Terhadap Tiga Model Pembelajaran Hafazan al-Quran dan Sinerginya ke Arah Melahirkan Generasi Hamalatul Quran Garapan MARA. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 156-172.
- Muhaidi, H., & Siti Salwa, M. (2018). Standardize Memorizations Strategy in Tahfiz Centres: A Guideline for Quality Performance in Qur'anic Memorization. *International Journal of Research*, 5(16), 1409-1417.
- Muhamad Amirul, M., & Muhammad Zulazizi, M. (2020). Falsafah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Pandangan Tokoh Ilmuwan Islam: Imam al-Qabisi. *Sains Insani*, 5(1), 187-193.
- Muhammad Syafee Salihin, H., Mohd Izzuddin, M., Mardhiah, Y., Muhammad Hafizan, A., & Zur'ain, H. (2022). Pengukuhan Hafazan Al-Quran: Cabaran dan Penyelesaian. *Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari*, 34-40.
- Muhd Zulhildi, H., Mohd Muslim, M., Siti Noor Aneeis, H., Ahmad Rusli, A., & Ismail, S. (2020). Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi Dalam

- Pengajaran Dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Al-Hikmah*, 12(2), 3-18.
- Murihah, A., Abdul Hafiz, A., Arieff Salleh, R., & Mohd Faez, I. (2015). Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah. *International Conference on Education and Social Entrepreneurship 2015*, 1153-1157.
- Murphy, R. J., Gray, S. A., & Straja, R. S. (2004). Student Learning Preferences and Teaching Implications. *Journal of Dental Education*, 68(8), 859-866.
- Naseer, A., Abid Ashar, & Syeda Amina, A. (2020). Association of Visual, Aural, Read/Write, and Kinesthetic (VARK) Learning Styles and Academic Performances of Dental Students. *Pakistan Armed Forces Medical Journal*, 70(1), 58-63.
- Nor Musliza, M., Zulkifly, M., Khairul Anuar, M., Mokmin, B., & Sedek, A. (2018). Kaedah Hafalan Al-Quran Berasaskan Kecenderungan Gaya Pembelajaran VARK. Dalam *Isu-isu Semasa Islam dan Sains* (hlm. 51-58). USIM.
- Nor Musliza, M., Zulkifly, M., Khairul Anuar, M., Mokmin, B., & Sedek, A. (2021). Development and Alpha Testing of EzHifz Application: Al-Quran Memorization Tool. *Hindawi Advances in Human-Computer Interaction*, 1-10.
- Nordin, A., Muhammad Toriq, Y., Yusri, C., Nor Hayati, A., Sukhairu, S., & Abdul Razak, M. (2018). *Perkembangan Pendidikan Tahfiz: Darul Quran Perintis Dinamik*. Kuala Kubu Bahru: Darul Quran: JAKIM.
- Norhalina, S., Wan Azizah, W., Muhammad Fakri, O., & Suriawati, S. (2017). Embedding Repetition (Takrir) Technique in Developing Al-Quran Memorizing Mobile Application for Autism Children. *MATEC Web of Conferences*, 1-11.
- Piping, S. (2015). Penerapan Teori Multiple Intelligence dalam Pembelajaran Fisika. *Jurnal Pendidikan Penabur*, 4(5).
- Siti Mastura, B., Adura Hani, A., Nurul Fazzuan, K., & Muhammad Zuhair, Z. (2021). Keberkesanan Aplikasi al-Quran M-Pembelajaran dalam Meningkatkan Pencapaian Hifz al-Quran dalam kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Journal of Social Sciences & Humanities*, 18(9), 122-133.
- Solahuddin, I. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. *Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa*, 1, hlm. 1-11. Bangi.
- VARK. (2023). *The VARK Questionnaire – How do you learn best?* Didapatkan dari VARK: <https://vark-learn.com/the-vark-questionnaire/>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2017). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112.